

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

'Iklan rokok elektronik semakin tak terkawal, melampau'

Kuala Lumpur: Pertubuhan Green Lung Malaysia menggesa kerajaan mengambil tindakan lebih drastik terhadap sebarang promosi memahatikan pengiklanan produk vape yang dilihat semakin tidak terkawal dan melampau sejak kebelakangan ini.

Persatuan itu dalam kenyataannya, mendakwa kerajaan kini seolah-olah menyerahkan hak sepenuhnya kepada penjual dan industri vape serta rokok elektronik untuk menentukan peraturan sendiri tanpa batasan.

"Sekarang, pelbagai reka bentuk peranti vape dengan watak kartun atau bentuk haiwan yang comel boleh didapati dalam pasaran dengan tujuan menarik perhatian kanak-kanak.

"Taktik pemasaran juga dilihat semakin berani dengan mengadakan ekspos vape secara besar-besaran, selain penyediaan mesin layan diri yang menjual pelbagai jenis produk vape.

"Baru-baru ini, ada pula iklan yang menampilkan kanak-kanak serta remaja bawah umur mempromosikan vape di media sosial. Mereka yang belum matang akan mudah terpengaruh taktik promosi sebegini," katanya dalam kenyataan semalam.

Persatuan itu menegaskan, mereka memberi sokongan penuh kepada usaha kerajaan membentangkan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok pada bulan ini atau selewat-lewatnya Jun, seperti dinyatakan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, pada Jumaat lalu.

"Pembentangan RUU ini penting bagi mengatasi masalah penggunaan produk merokok, terutamanya rokok elektronik atau vape dalam kalangan masyarakat negara ini.

Berdasarkan kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan, Lukmanisman Awang Sauni, tinjauan Kebangsaan Kesihatan Dan Morbiditi (NHMS) 2022 mendapati penggunaan vape dalam kalangan remaja negara ini meningkat daripada prevalensi 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus pada 2022, dengan kadar peningkatan 52 peratus.

"Kadar peningkatan ini amat menakutkan dalam tempoh lima tahun sahaja. Jika tiada tindakan segera diambil, lebih ramai kanak-kanak sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah menjadi mangsa ketagihan vape dan nikotin yang sekali gus mengancam kesihatan serta masa depan mereka.

"Peningkatan dalam penggunaan vape ini berkait rapat dengan polisi kerajaan dan faktor dorongan industri," katanya.

Kos rawat kecederaan paru-paru akibat vape cecah RM150,000

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menganggar kos rawatan penyakit kecederaan paru-paru atau E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI) mencecah RM150,000 bagi tempoh 12 hari kemaskini ke wad.

Sebanyak 18 kes EVALI dan 20 kes lain berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape dilaporkan kepada KKM sejak 2022.

Sehubungan itu Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata KKM bercadang meneruskan pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam.

Beliau berkata, menerusi RUU itu, kawalan menyeluruh terhadap produk rokok elektronik atau vape akan dapat dilaksanakan, termasuk larangan terhadap produk dan pembungkusan yang menyerupai permatangkan kanak-kanak.

"Kawalan terhadap perisa yang boleh menarik perhatian kanak-kanak dan remaja menggunakan produk ini juga boleh dilaksanakan melalui RUU ini," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Oscar Ling Chai Yew (PH-SIBU).

Chai Yew meminta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimana untuk memastikan keselamatan peranti vape serta nyatakan

kesan baik dan buruk oleh vape. Beliau turut bertanyakan sama ada KKM akan mengehadkan vape supaya tidak mempunyai pembungkusan dan perisa yang menarik.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata kawalan bagi peranti rokok elektronik atau vape adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraf Hidup melalui Perintah Perihal Dagangan (Perakuhan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022 bagi memastikan setiap peranti mematuhi Standard Malaysia MS 2716 untuk menjamin keselamatan peranti berkenaan.

Beliau berkata bagi keselama-

tan cecair rokok elektronik, tiada sebarang standard ditetapkan KKM disebabkan tiada had yang selamat untuk bahan kimia yang terkandung di dalam cecair rokok elektronik atau vape berkenaan.

"Penggunaan rokok elektronik atau vape sungguhpun pada awalnya dicipta sebagai alternatif yang dikatakan lebih selamat berbanding rokok tembakau, kajian saintifik terkini membuktikan rokok alaf baharu, termasuk vape tetap berbahaya.

"Pelbagai kajian saintifik yang dilaksanakan menemui banyak kesan buruk akibat penggunaan rokok elektronik atau vape terhadap kesihatan," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

16

www.hmetro.com.my

@hmetromy



HarianMetro

lokal

Semakin ramai murid, pelajar ketagih vape

Kuala Lumpur: Pertubuhan Green Lung Malaysia menyokong penuh usaha kerajaan membangunkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merekok bulan ini atau selewat-lewatnya Jun hadapan seperti kenyataan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa pada 19 Mei lalu.

Menerusi satu kenyataan media, Pertubuhan Green Lung menyatakan pembentangan RUU itu amat penting bagi mengatasi masalah penggunaan produk merokok terutama rokok elektronik atau vape dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan Lukansiman Awang Sauni, tinjauan Kebangsaan Kesihatan Dan Morbiditi (NHMS) 2022 mendapati penggunaan vape dalam kalangan remaja di negara ini

meningkat daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus tahun lalu dengan kadar peningkatan sebanyak 52 peratus.

"Kadar peningkatan ini amat menakutkan dalam tempoh lima tahun sahaja. "Jika tiada tindakan segera diambil, lebih ramai murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah menjadi mangsa ketagihan vape dan nikotin, sekali gus mengancam kesihatan serta masa depan mereka.

"Peningkatan penggunaan vape berkaitan rapat dengan polisi kerajaan dan faktor dorongan industri.

"Ketidaaan kawalan undang-undang terhadap penjualan dan penggunaan vape. Lebih-lebih lagi, nikotin dalam vape dan rokok elektronik dikeluarkan daripada Akta Ragun 1952 baru-baru ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur

D i sebalik kerancakan hidup suasana bandar dengan bangunan pencakar langit serta pelbagai gedung membeli-belah dan kemudahan, ia sebenarnya menyumbang kepada tekanan kesihsan mental warga kota.

Menurut pakar, berbanding penduduk di kampung, warga kota lebih mudah mengalami gangguan emosi yang turut menjadikan keadaan mental akibat peningkatan kos sara hidup, terutamanya kehidupan pasca Covid-19.

Pakar Psikiatri dan Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA) Prof Datuk Dr Andrew Mohanraj berkata, warga kota yang mahu mengekalkan gaya hidup tinggi pasti tertekan kerana perlu lebih memerlukan keringat untuk memperolehi pendapatan yang boleh menampung semua perbelanjaan.

Keadaan ini sudah tentunya jauh berbeza dengan mereka yang tinggal di kampung dan akhirnya ada warga kota yang dibilang hutang kelebihan pinggang kerana tidak dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik.

"Sepanjang tempoh pasca Covid-19, ada yang tinggal di bandar berhadapan dengan kemungkinan kehilangan pekerjaan ditambah kos sara hidup yang tinggi. Kedua-dua

faktor ini berkemungkinan besar punca utama stres psikologi dalam kalangan penduduk bandar," beliau memberitahu Bernama.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa dipetik berkata Mac lalu bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) mempunyai bilangan tertinggi penduduk yang dilanda kemurungan dan kebimbangan (anxiety) berbanding negeri lain.

Beliau berkata, hasil saringan kesihatan mental 2022 ke atas 336,900 individu di seluruh negara yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan mendapati, 70 peratus daripada penduduk WPKL paling terkesan dengan kemurungan dan kebimbangan akibat beberapa faktor termasuk kos sara hidup yang tinggi.

Menurut Dr Zaliha, kajian berkenaan juga mendapati yang paling mudah terkesan adalah mereka dalam kumpulan Bao dan miskin bandar, sementara isu kesihatan mental dalam kalangan remaja dan belia adalah akibat masalah kewangan dan perhubungan.

Faktor lain termasuk bull, tingkah laku berisiko tinggi, rasa rendah diri atau jangkaan tinggi terhadap pencapaian diri sendiri.

Berkongsi pandangan Dr Mohan-

raj, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Bhd, Dr Mohd Afzanim Abdul Rashid berkata, kos sara hidup adalah faktor utama menyumbang kepada isu kesihatan mental di Kuala Lumpur sejak kadar harga di kawasan bandar lazimnya lebih tinggi daripada negeri lain di Malaysia.

"Sewa rumah dan harga barang serta perkhemahan terutama barang berkaitan makanan adalah lebih tinggi. Apabila kos sara hidup meningkat, kuasa membeli pendapatan isi rumah akan berkurangan," katanya.

Menurut pasaran hartanah digital Malaysia, Propertyguru.com, purata perbezaan sewa bulanan rumah teres di Malaysia di Kuala Lumpur dan Sarawak adalah sebanyak RM200.

Institut Kesihatan Malaysia ada menyatakan, di Malaysia, punca utama tekanan yang dialami pelajar adalah masalah fokus akibat maklumat yang berlebihan, tekanan belum kerja di samping peperiksaan yang sudah tentunya menjadikan kesihatan mereka.

Pada Jun 2017, seorang pelajar berusia 20 tahun dari Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARUC), menulis nota kepada ibunya

menyatakan bahawa dia tidak teranggung tekanan dalam hidupnya sebelum membunuh diri dengan terjun dari sebuah kondominium di Setapak.

Mengulas tentang perkara ini, Pensyarah Psikologi, Kolej Raffles Kuala Lumpur Farhana Nabila Fakaruddin berkata, subjek kursus yang sukar seperti kursus reka bentuk atau tugasam teori yang berterusan boleh menyebabkan pelajar menjadi tertekan dan boleh menjurus kepada kemurungan atau kebimbangan sekiranya tidak dirawat pada peringkat awal.

"Di samping tekanan pendidikan, pelajar yang datang dari negeri lain ke Kuala Lumpur juga perlu menyesuaikan diri kerana mereka boleh bersa sunyi dan resah," beliau memberi tahu Bernama.

Farhana juga menyatakan bahawa pesakit yang mengalami kemurungan dan kebimbangan akan segera mendapatkan rawatan pakar psikiatri daripada berjumpa kaunselor atau pakar psikologi tanpa menyedari bahawa mereka salah tanggapan ujian skrin dalam talian yang mungkin menunjukkan hasil bahawa mereka dalam peringkat yang teruk.

"Biasanya pakar psikiatri akan

memberi ubat-ubatan tetapi hanya untuk tahap yang teruk dan sikiranya pesakit tidak mengambil ubat, gejala kemurungan akan menjadi buruk sehingga mungkin mempunyai kecenderungan bunuh diri, mendengarkan sifat halusinasi," katanya.

Bernama juga menemui buah bera peribadi individu yang sedang mengalami kemurungan serta kebimbangan, untuk berkongsi pengalaman mereka.

Seorang tukang roti berusia 29 tahun yang enggan menyebut namanya disebut berkata punca sebenar kemurungan yang bell alami adalah pada pengalaman buli sebelum serta dalam ru. Ini ditambah dengan ngalaman membela dalam keluarga yang tidak stabil dan emosi yang tergantung akibat isu saiz tubuh.

"Kita terperangkap dalam perlumbaan untuk menjadi lebih baik dan terpaksa bekerja keras supaya dapat membayar bil perbelanjaan samping memenuhi komitmen luarga. Semuanya ini akan hal membuatkan kita lemas dengan kanan rakan sebaya serta isu sihatan mental."

"Saya amat berterima kasih ngan apa yang dilakukan oleh

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : LOKAL



rajaan dan yang masih belum dilakukan. Saya juga berharap pihak kerajaan tidak akan menjadikan mereka yang cuba membunuh diri sebagai penjenayah.

"Amat mengganggu perasaan untuk melihat seseorang yang cuba membunuh diri, kemudian berjaya dipujuk untuk tidak melakukannya, dan dilihat diiringi polis ke hospital untuk penilaian mental," katanya.

Sementara itu, bekas guru Ruksan Gill berkata, tekanan di tempat kerja serta runting tidak mempunyai cukup wang bagi memenuhi komitmen, membuatkan beliau mendapat anxiety.

Menurut Ruksan, beliau amat bergantung kepada sistem sokongan, suaminya serta rakan-rakan yang banyak membantu ketika mengalami anxiety attack. Namun beliau juga berharap kerajaan serta sektor swasta berusaha lebih gigih untuk membantu mereka yang dilanda isu kesihatan mental.

"Saya berharap kerajaan serta sektor swasta boleh menyediakan sesi kesihatan mental yang mampu bayar dan menjadikan kesihatan mental sebagai sebahagian daripada pakej insurans agar dapat dimanfaatkan ramai," tambahnya.

Di samping perkhidmatan yang

Kita terperangkap dalam perlumbaan untuk menjadi lebih baik
Sumber

Menurut beliau, kurang kesedaran, pendidikan, tanggapan serta bimbang dengan mereka yang mempunyai penyakit mental boleh menambah stigma. Keadaan itu juga boleh menyekat orang yang mempunyai penyakit mental daripada mendapat bantuan, menyesuaikan diri dalam masyarakat dan hidup bahagia serta selesa.


Dr Zaliha diperiksa berkata, terdapat sebanyak 1,161 klinik kesihatan, 58 hospital, 34 pusat kesihatan mental komuniti (Mentari) serta empat institusi mental dan cukup kelengkapan untuk menangani isu kesihatan mental termasuk pengesanan awal serta pemuliharaan.



PENDUDUK Orang Asli Rohani Asin, 40, bersahabat di pintu rumah buluhnya bersama anak yang berusia dua tahun bagi mendapatkan angin luar di Kampung Aring 5, Pos Lebir, Gua Musang, Kelantan. Lebih 1,000 masyarakat Orang Asli di Kampung Pasir Linggi dan Kampung Aring 5 di Pos Lebir mendapat kemudahan rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) daripada kerajaan namun berikut cuaca panas kini mereka menjadikan rumah asal yang diperbaiki daripada buluh atau cucuh sebagai tempat bersahabat pada siang hari dan akan kembali ke rumah PPRT menjelang malam.



KEADAAN terkini bangunan lama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Jalan Gasing, Petaling Jaya yang terbakar buat kali kedua selepas insiden sama pada 2018. Penolong Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Hafisham Mohd Noor berkata, kebakaran hanya melibatkan tingkat empat dan tingkat lima bangunan itu. Tiada sebarang kemalangan jiwa dan punca kebakaran masih dalam siasatan.



PEMANDANGAN indah sebelum matahari terbenam dirakam di Pantai Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA



NORASHIKIN (tengah) didakwa membuat tuntutan palsu dan 24 pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Seremban semalam.

Staf pejabat kesihatan nafi 24 tuduhan rasuah

SEREMBAN - Seorang pembantu tadbir Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan membuat tuntutan palsu RM2,900 dan 24 pertuduhan menerima rasuah, lima tahun lalu.

Tertuduh, Norashikin Mohamed Hussin, 36, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim, Rushan Lutfi Mohamed.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa memperdayakan majikannya dengan mengesahkan tuntutan kerja pembaikan kenderaan Nissan Frontier berjumlah RM2,900 yang mengandungi butiran palsu antara 31 Januari 2020 hingga 3 Februari 2020 di Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Tertuduh turut mengaku tidak bersalah terhadap 24

pertuduhan menerima rasuah bagi tujuan menawarkan kerja pembaikan kenderaan pejabat berkenaan melibatkan wang tunai, keseluruhannya berjumlah RM18,663 daripada pemilik sebuah bengkel membaiki kenderaan beralamat di Melaka.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di pejabatnya di Port Dickson mulai 4 Disember 2018 hingga 10 September 2020 dengan nilai suapan antara RM100 hingga RM3,057 sepanjang tempoh tersebut.

Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 17A Akta SPM 2009.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azrif Firdaus Mohamad Ali, manakala tertuduh diwakili peguam Shahidah Muslimah Roslan dan Noor Hidayah Mohd. Saad.

Mahkamah menetapkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin. Kes disebut semula 28 Julai ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Kes Evali akibat vape membimbangkan

Kos rawatan kecederaan paru-paru akibat vape dianggarkan RM150,000

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
KUALA LUMPUR

Sebanyak 38 kes penyakit berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) sejak tahun 2022.

Ini termasuk 18 kes memabitkan penyakit E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (Evali) iaitu kerrosakan termasuk kebocoran pada paru-paru yang boleh menyebabkan pesakit mengalami kecakatan kekal pernafasan serta berisiko tinggi membawa maut.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, KKM meng-



DR ZALIHA

kerjaan menyatakan langkah untuk memastikan keselamatan vape serta kesan baik dan buruk penggunaan peranti tersebut.



SHARIFAH EZAT

SHAH ALAM - Tiada pemantauan terhadap produk rokok elektronik atau vape di negara ini membuka peluang kepada pengguna mengubah suai atau meletakkan pelbagai bahan cecair terlarang dalam peranti tersebut.

Pakar Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Sharifah Ezat Wan Puteh berkata, tidak hairanlah ia boleh mengundang kepada pelbagai risiko kecederaan termasuk kebocoran pada paru-paru.

Jelas beliau, kemudaratuan penggunaan vape sepatutnya tidaklah seperti rokok yang mengandungi kira-kira 7,000 bahan kimia berbahaya.

"Di United Kingdom (UK), produk yang dikeluarkan adalah berkualiti dan dipantau oleh Agensi Kawal Sella Perubatan dan Kesihatan (MHRA). Malah, antara pengeksport utama ialah dari pengeluar Malaysia.

"Jadi, tiada isu penggunaannya menghidap jangkitan pada paru-paru dan sebagainya.

"Namun lain pula di Malaysia, kita tiada pemantauan. Sebab itu pelbagai bahan ber-

anggarkan kos rawatan bagi penyakit berkenaan mencecah RM150,000 bagi tempoh 12 hari kemasukan ke wad.

Menyedari perkara itu, bellau berkata, kementerian bercadang untuk meneruskan pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam.

"Kawalan menyeluruh terhadap rokok elektronik akan dapat dilaksanakan termasuk larangan terhadap produk dan pembungkusan yang menyerupai permainan kanak-kanak.

"Kawalan terhadap perisa yang boleh menarik perhatian kanak-kanak dan remaja menggunakan produk ini juga boleh dilaksanakan melalui rang undang-undang ini," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu) yang meminta



Ketegihan vape boleh menyebabkan kebocoran pada paru-paru dan berisiko tinggi membawa maut.

sementara itu, Dr Zaliha berkata, kawalan bagi vape adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN).

Jelas beliau, ia melalui Perintah Perihal Dagangan (Perakuhan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022 bagi memastikan setiap peranti niematihi Standard Malaysia MS 2716 untuk menjamin keselamatannya.

Bagaimanapun, bagi keselamatan cecair rokok elektronik pula, tiada sebarang standar ditetapkan kementerian.

Ini kerana, katanya, tiada had selamat untuk bahan-bahan kimia yang terkandung di dalam cecair vape.

"Sungguhpun penggunaan vape pada awalnya dicipta sebagai alternatif yang dikatakan lebih selamat daripada rokok tembakau, namun kajian saintifik terkini membuktikan rokok alaf baru itu tetap berbahaya.

"Pelbagai kajian saintifik yang dilaksanakan menemui banyak kesan buruk akibat penggunaan vape terhadap kesihatan," ujar beliau.



Penggunaan bahan cecair yang dilarang menyebabkan pengguna vape berdepan risiko kerrosakan paru-paru.

fungsinya bagi mengubati ketigihan merokok. Ia sesuai bagi perokok tegar yang sukar diubati ketigihannya.

"Vape salah satu kaedah penyelesaian yang boleh membantu mereka," jelasnya.

Bahan cecair risiko tinggi kepada penghisap vape

SHAH ALAM - Tiada pemantauan terhadap produk rokok elektronik atau vape di negara ini membuka peluang kepada pengguna mengubah suai atau meletakkan pelbagai bahan cecair terlarang dalam peranti tersebut.

Pakar Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Sharifah Ezat Wan Puteh berkata, tidak hairanlah ia boleh mengundang kepada pelbagai risiko kecederaan termasuk kebocoran pada paru-paru.

Jelas beliau, kemudaratuan penggunaan vape sepatutnya tidaklah seperti rokok yang mengandungi kira-kira 7,000 bahan kimia berbahaya.

"Di United Kingdom (UK), produk yang dikeluarkan adalah berkualiti dan dipantau oleh Agensi Kawal Sella Perubatan dan Kesihatan (MHRA). Malah, antara pengeksport utama ialah dari pengeluar Malaysia.

"Jadi, tiada isu penggunaannya menghidap jangkitan pada paru-paru dan sebagainya.

"Namun lain pula di Malaysia, kita tiada pemantauan. Sebab itu pelbagai bahan ber-

bahaya dan terlarang boleh dimasukkan secara sembarangan.

"Boleh jadi ia terdiri daripada dadah, tar, bateri kereta dan banyak lagi yang saya tidak mampu senaraikan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Sharifah Ezat sehubungan itu menggesa kerajaan supaya menguatkuaskan sebuah perundangan baharu bagi mengawal selia pengeluaran produk berkenaan.

"Penyakit E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (Evali) di Amerika pada tahun 2020 yang mencatatkan 96 kes matian adalah disebabkan vape haram. Ia mengandungi bahan asing iaitu Vitamin E Acetate (VEA) yang merosakkan paru-paru penghisap," katanya.

Tambah beliau, orang ramai sepatutnya menjauhi produk sedemikian meskipun terdapat perbezaan dari segi risiko.

"Sepatutnya, paru-paru kita hanya perlu menerima udara yang bersih sahaja, tidak perlu asap lain, termasuk vape.

"Sebenarnya, penggunaan vape ini ber-

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kos rawatan kecederaan paru-paru akibat vape RM150,000

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan menganggarkan kos rawatan penyakit kecederaan paru-paru atau Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI) mencecah RM150,000 bagi tempoh 12 hari kemasukan ke wad.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, sebanyak 18 kes EVALI dan 20 kes lain berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape dilapor kepada kementerian itu sejak 2022.

Justeru, Zaliha berkata, kementerian bercadang meneruskan pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam.

"Kawalan menyeluruh terhadap produk rokok elektronik atau vape akan dapat dilaksana termasuk larangan terhadap produk dan pembungkusan yang menyerupai permainan kanak-kanak.

"Kawalan terhadap perisa yang boleh menarik perhatian kanak-kanak dan remaja menggunakan produk ini juga boleh dilaksana melalui rang undang-undang ini," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan kepada soalan Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu) meminta kerajaan menyatakan bagaimana untuk memastikan keselamatan vape serta kesan baik dan buruk oleh peranti itu.

Chai Yew juga bertanya jika



KOS rawatan penyakit kecederaan paru-paru berkaitan rokok elektronik menelan belanja yang besar.

kementerian akan mengehadkan vape supaya tidak mempunyai pembungkusan dan perisa yang menarik.

Mengulas lanjut, Dr. Zaliha berkata, kawalan bagi peranti rokok elektronik atau vape adalah di bawah kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup melalui Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022, bagi memastikan setiap peranti mematuhi Standard Malaysia MS 2716 untuk menjamin keselamatan peranti berkenaan.

Beliau berkata, bagi keselamatan cecair rokok elektronik,

tiada sebarang standard ditetapkan kementerian kerana tiada had yang selamat untuk bahan-bahan kimia yang terkandung di dalam cecair rokok elektronik atau vape berkenaan.

"Penggunaan rokok elektronik atau vape sungguh pun pada awalnya ia dicipta sebagai alternatif yang dikatakan lebih selamat daripada rokok tembakau namun kajian saintifik terkini membuktikan rokok alaf baharu termasuk vape tetap berbahaya.

"Pelbagai kajian saintifik yang dilaksanakan menemui banyak kesan buruk akibat penggunaan rokok elektronik atau vape terhadap kesihatan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : RENCANA

Klinik, hospital swasta juga perlu rahmah, bukan fikir untung sahaja

**MOHD.
AYOP
ABD. RAZID**

MALAYSIA adalah antara negara yang pernah mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kerana mempunyai sistem perkhidmatan kesihatan yang terbaik di rantau Pasifik Barat.

Namun, selari dengan cabaran semasa, pertambahan penduduk dan kemunculan pelbagai penyakit baharu maka kerajaan perlu meningkatkan tahap dan kualiti penjagaan kesihatan rakyat melalui perancangan pembangunan yang tuntas selari dengan perubahan gaya hidup dan profil demografi.

Usaha ini sangat penting kerana rakyat yang sihat akan dapat menyumbang dengan baik kepada negara. Rakyat yang sihat pasti dapat bekerja dengan baik dan cemerlang. Hidup juga akan lebih bahagia jika kita memiliki kesihatan yang baik.

Justeru, kerajaan perlu meningkatkan keupayaan dan liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih meluas kepada rakyat. Kaedah rawatan yang diberikan mestilah seiring dengan kemajuan teknologi dan rawatan perubatan terkini.

Sehubungan itu, kerajaan perlu mempunyai perancangan yang jelas dalam hal ini, bukannya dilakukan secara *ad hoc* sahaja. Untuk memberikan rawatan terbaik kepada rakyat khususnya pesakit yang menghidap penyakit-penyakit dianggap pembunuhan, maka kita memerlukan lebih ramai pakar perubatan dan kakitangan kesihatan berkemahiran tinggi. Kerajaan perlu menangani kekurangan pakar-pakar perubatan.

Sayugia diingat, pakar perubatan bukan sahaja



KERAJAAN perlu mewujudkan Klinik Rahmah atau Klinik Madani sama seperti konsep Klinik 1Malaysia yang pernah wujud sebelum ini.

diperlukan di hospital-hostila utama yang bertumpu di bandar tetapi di kawasan-kawasan luar bandar juga perlu ada. Hospital di negara kita sama ada hospital kerajaan ataupun hospital swasta perlu mempunyai bilangan katil yang dapat menampung keperluan pesakit mengikut keadaan semasa dan jangkaan beberapa tahun mendatang.

Sarana ini boleh dicapai menerusi pembinaan hospital-hospital baharu atau menaik taraf yang sedia ada mengikut keperluan sewajarnya.

Untuk mengurangkan beban di hospital-hospital yang berada di kawasan bandar, maka kerajaan boleh menambah baik akses penjagaan kesihatan di kawasan luar bandar dengan membina lebih banyak poliklinik atau klinik mengikut keadaan demografinya. Klinik-klinik daerah yang mengalami pertambahan kunjungan pesakit secara mendadak juga boleh dinaik taraf mengikut kesesuaian dan keperluan.

Pada hemat saya, konsep Klinik 1Malaysia bagi rawatan pesakit luar dan penyakit-penyakit ringan

“Setakat ini diakui kos rawatan yang dikenakan oleh hospital kerajaan adalah rendah.”

yang pernah diperkenalkan semasa pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak dahulu boleh dipraktikkan dengan menggunakan nama baharu seperti Klinik Rahmah atau Klinik Madani.

Selain melihat kepada isu meningkatkan kemudahan fasiliti, kerajaan juga perlu melihat kepada sistem penyampaian kesihatan awam dan pertambahan beban kerja di hospital dan klinik kesihatan awam. Antaranya, nisbah doktor kepada penduduk perlu diperingkat sekurang-kurangnya 1:300 atau 400.

Walaupun WHO tidak menetapkan nisbah khusus, namun negara sendiri perlu ada sasaran tersebut seperti di United Kingdom, nisbah doktor kepada penduduk adalah 1:358. Perkhidmatan

kesihatan yang diberikan oleh sektor awam mestilah komprehensif dan pada kos berpatutan. Setakat ini diakui kos rawatan yang dikenakan oleh hospital kerajaan adalah rendah.

Bagi perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh pihak swasta pulak perlu dikawal dan dipantau dengan baik supaya tidak terlalu berlebihan menumpukan kepada keuntungan.

Justeru, hospital dan klinik swasta juga patut menerapkan konsep rahmah dan kemanusian dalam perkhidmatan mereka. Ini memerlukan kesedaran daripada pengamal perubatan swasta itu sendiri.

Masyarakat juga perlu ada kesedaran yang tinggi berkaitan kepentingan menjaga kesihatan dan tanggungjawab membendung penyakit. Rakyat mesti ada pengetahuan dan kesedaran akan kepentingan menjaga kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Perlu diingatkan, aktiviti berkaitan gaya hidup sihat pada peringkat komuniti tidak akan memberi kesan signifikan sekiranya sokongan dan penglibatan masyarakat adalah rendah atau tidak

meluas.

Justeru, usaha mendidik dan memberikan kesedaran kepada rakyat hendaklah dilakukan secara berterusan. Program kesedaran tentang Pencegahan untuk mengurangkan penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit yang pernah dibuat kerajaan mesti diteruskan dan ditingkatkan pelaksanaan dan penyertaannya.

Seingat saya, ada beberapa program yang pernah dibuat oleh Kementerian Kesihatan melibatkan komuniti dan orang ramai seperti Program Komuniti untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) bagi Pencegahan demam denggi. Selain itu, program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) bagi mempromosikan kesihatan di peringkat komuniti dan Program Siswa Sihat (PROSIS) untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi.

Adalah baik Kementerian Kesihatan mengadakan kerjasama dengan sektor swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) secara lebih meluas dan bersungguh-sungguh lagi supaya impaknya lebih dirasai.

Kesimpulannya, hakikat bahawa sektor kesihatan merupakan sebuah daripada sistem sosioekonomi negara adalah sesuatu yang tidak boleh diabaikan sama sekali. Kemajuan dalam perkhidmatan dan penjagaan kesihatan secara langsung akan meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan melancarkan kemajuan dan pembangunan negara.

Justeru, kerajaan perlu secara berterusan menyediakan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan berkualiti kepada rakyat melalui penyampaian perkhidmatan yang efisien dan cekap. Rakyat berhak untuk mendapatkan akses kesihatan yang mudah dan berkualiti.

PENULIS ialah penganalisis sosiopolitik bebas.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

**RM150,000 BILL
FOR EACH PATIENT**

THE number of people suffering from lung injury as a result of using e-cigarettes is likely to be higher than official figures, says an expert. NGOs want the government to expedite the passage of long-delayed legislation to limit the damage to health and the economy.

» REPORT ON PAGE 2

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS / NATION

THURSDAY, MAY 25, 2023 • **NewStraitsTimes**

NEWS / Nation

PUBLIC HEALTH

'RM150,000 TO TREAT VAPE LUNG INJURY'

Health Ministry will table bill on e-cigs, vapes, says Dr Zaliha

HANA NAZ HARUN AND QISTINA SALLEHUDIN KUALA LUMPUR news@nst.com.my

It would cost the Health Ministry about RM150,000 to treat a patient diagnosed with e-cigarette or vaping use-associated lung injury (EVALI) for 12 days.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa told the Dewan Rakyat here that 18 EVALI cases had been reported since last year.

"The ministry intends to go ahead with the tabling of the Control of Smoking Product for Public Health Bill.

"It will feature comprehensive control of electronic cigarettes or vaping products, including a ban on products and packaging that resemble children's games.

"The control on flavours that attract children and teenagers can also be implemented through this bill," she said in a parliamentary written reply to Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu).

Dr Zaliha also said e-cigarettes

came under the jurisdiction of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

The Trade Description (Certification and Marking of Electronic Cigarette Devices) Order 2022 ensures that each device complies with Malaysian Standard MS 2716 for safety.

She said no standard had been set by the Health Ministry for e-cigarette liquids as there was no safe limit.

"Electronic cigarettes or vapes were originally created as an alternative. They were said to be safer than tobacco cigarettes, but the latest scientific studies prove that new millennium cigarettes, including vapes, are still dangerous.

"Various scientific studies have found that the use of electronic cigarettes have many adverse effects on health."

Health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar warned that Malaysia will incur more losses in medical treatment if the government did not act fast to regulate e-cigarette and vape.

He also noted that the number of EVALI cases in the country could be higher than what was recently reported by the Health Ministry.

"There could be more, including mild cases, that we're unaware of. This is highly concerning because many vape users are

children, as the devices are easily available and cheap because there are no laws to regulate it," he said.

"If left unchecked, we will see younger patients suffering from EVALI. We should act fast to prevent this."

The Control of Smoking Products for Public Health Bill, dubbed the "generational endgame" (GEG), could nip the problem in the bud, as well as prevent long-term damage and losses to the country due to e-cigarettes, he added.

"(The government should) proceed with the (tabling of the) bill (in Parliament) first. The penalties, which have caused concerns among some quarters, can be debated.

"The more important thing is to put it (GEG) in place to regulate the contents (of e-cigarettes) and their use. There is currently zero control over e-cigarettes, especially now with the exclusion of nicotine from the Poisons Act 1952."

Several non-governmental organisations, including the Consumers Association of Penang, had also urged the government to expedite the tabling of the bill, which covers regulation on e-cigarettes and vapes, as well as tougher controls on the use of tobacco. **Additional reporting by Nuradzimah Dafm**



A total of 18 e-cigarette or vaping use-associated lung injury cases have been reported since last year. FILE PIC